

24/05/2003

Sinar baru untuk penjaja

Jamaludin Abu Bakar

PAKEJ Strategi Baru Ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Selasa lalu, memberi sinar baru kepada golongan penjaja, peniaga dan usahawan kecil.

Kerajaan merangsang dan menggesa pelbagai pihak menyumbang usaha serta bersama-sama mendokong cita-cita dan matlamat untuk membantu masyarakat penjaja dan peniaga.

Ini dilaksanakan menerusi pembangunan manusia dan masyarakat serta peningkatan industri, ekonomi dan taraf ekonomi orang Melayu.

Di antara langkah itu ialah program/skim kredit mikro dengan dana permulaan RM500 juta untuk membangun dan memperkembangkan perniagaan golongan ini melalui satu skim pinjaman cepat, mudah dan tidak membebankan.

Langkah itu juga menunjukkan usaha kerajaan bagi menghidupkan sektor kecil agar mendapat akses yang sama kepada sumber pembiayaan.

Jelasnya kerajaan pilihan rakyat ini tidak pernah mengabaikan mana-mana golongan ketika senang atau susah sebagaimana didakwa oleh pihak pembangkang.

Kerajaan sememangnya banyak berusaha membantu peniaga kecil.

Ada 36 tabung pembangunan usahawan yang diwujudkan. Skim kredit mikro ini akan lebih bermakna sekiranya seiring dengan pemberian lesen kepada peniaga yang terbabit.

Ini kerana skim itu akan dinikmati oleh penjaja dan peniaga kecil yang berlesen dan seterusnya memberi lebih satu juta lagi peluang pekerjaan dengan kadar gaji RM800 hingga RM1,200 sebulan.

Seterusnya diharap kerajaan mengkaji pembabitan persatuan untuk meluluskan pinjaman dan pemberian lesen perniagaan kepada mana-mana individu.

JAMALUDIN ABU BAKAR,
Johor Bahru, Johor.